

30/08/1999

Rakyat rugi jika tukar kerajaan: Shafie

GURUN, Ahad - Rakyat tidak boleh menggantikan kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan parti lain kerana kehidupan mengikut kerajaan yang berubah-ubah merugi dan menyiksakan, kata bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno Sabah, Datuk Shafie Apdal.

Beliau berkata, hanya kerajaan BN yang ditunjangi Umno mampu menyediakan kehidupan yang memuaskan kepada semua rakyat pelbagai bangsa sama ada masa kini atau masa depan.

Shafie yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno memberikan contoh tiga pentadbiran kerajaan di Sabah sebelum Umno mengembangkan sayapnya ke negeri itu.

Pada masa itu, rakyat Sabah tidak menerima nikmat kekayaan negeri di bawah pentadbiran Usno yang dipimpin Tun Datu Mustapha Datu Harun; Berjaya yang dipimpin Datuk Harris Salleh dan Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan.

"Saya sebagai rakyat Sabah pernah melalui penderitaan hidup dalam zaman tiga kerajaan yang berubah-ubah. Ketiga-tiga parti ini tidak boleh memberikan kehidupan yang baik kepada rakyat Sabah.

"Hanya selepas Umno mengembangkan sayapnya ke Sabah dan membentuk BN di negeri Sabah, rakyat menikmati hasil kekayaan Sabah. Hidup di bawah tiga kerajaan sebelum BN amat pahit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menutup kursus gerak gempur Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Merbok, di sini petang semalam.

Turut hadir Ketua Umno bahagian, Azmi Abdul Hamid dan Ketua Pergerakan Pemuda bahagian, Mokhzani Mahathir.

(END)